

B565

MAHATHIR-TANAH

1982

GUA MUSANG, 23 FEB. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI SEMUA RANCANGAN TANAH BARU YANG AKAN DIBUKA AKAN DILAKSANAKAN +ALA KESEDAR KELANTAN.+

DI BAWAH SISTEM BARU INI PARA PESERTA AKAN DILIBATKAN DALAM PEMBUKAAN RANCANGAN DARI PERINGKAT AWAL IAITU PEMBUKAAN TANAH, MENEBAS DAN MENEBAH, MEMBINA RUMAH DAN LAIN-LAIN BANGUNAN HINGGA KE PERINGKAT MENANAM DAN MEMELIHARA TANAMAN.

PERDANA MENTERI KETIKA MENGUMUMKAN DASAR BARU INI BERKATA PARA PESERTA AKAN DIBERI UPAH KELENGKAPAN DAN JUGA BAHAN-BAHAN BAGI KERJA-KERJA YANG MEREKA LAKSANAKAN.

BELIAU BERUCAP KEPADA PARA PESERTA RANCANGAN TANAH JERAM TEKOH, SALAH SEBUAH RANCANGAN TANAH DI BAWAH PROJEK PEMBANGUNAN WILAYAH KELANTAN SELATAN, 16 KILOMETER DARI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAGI MENJAYAKAN RANCANGAN-RANCANGAN TANAH ITU PARA PESERTA AKAN DIKEHENDAKI MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN DISIPLIN BAGI MEMPASTIKAN SEMUA KERJA YANG DIATUR DAPAT BERJALAN BAIK DAN LANCAR.

PERATURAN DISIPLIN INI, JELASNYA BUKAN BERTUJUAN MEMBEBANKAN PARA PESERTA TETAPI SEKADAR UNTUK MENANAMKAN SEMANGAT BEKERJA KERAS DAN BERDIKARI. -- BERSAMBUNG 1510/SZ

MAHATHIR-TANAH 2 GUA MUSANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEPUTUSAN KERAJAAN MENCANTOHI SISTEM ALA KESEDAR KELANTAN AKAN MENJIMATKAN PERBELANJAAN KERANA WANG YANG DIPERUNTUKKAN AKAN DIBAYAR KEPADA PARA PESERTA DAN BUKAN KEPADA PARA PEMBORONG.

INI BAGAIMANAPUN BUKAN BERTUJUAN MENAFIKAN PELUANG PIHAK PEMBORONG KERANA MEREKA MASIH BOLEH MENDAPAT PELUANG-PELUANG DI SEKTOR YANG LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KEPUTUSAN KERAJAAN MENCANTOHI SISTEM KESEDAR ITU MERUPAKAN SATU PENGHARGAAN TINGGI KERAJAAN TERHADAP SEMANGAT DAN KEUPAYAAN RANCANGAN ITU BERDIKARI UNTUK MENGUBAH NASIB MEREKA SENDIRI.

BELIAU MEMUJI PARA PESERTA RANCANGAN KESEDAR KERANA PUNYA SEMANGAT YANG TINGGI YANG MENJADI LAMBANG KESANGGUPAN, KEMAMPUAN DAN KE-SUNGGUHAN RAKYAT MALAYSIA SEBAGAI BANGSA YANG MAMPU BERDIKARI UNTUK MENGEJAR KEMAJUAN.

SEBELUM ITU PENGURUS BESAR KESEDAR ENCIK ARIFFIN SAID DALAM TAKLIMATNYA BERKATA SETAKAT INI, LAPAN RANCANGAN TANAH MELIPUTI KAWASAN KIRA-KIRA 40,000 EKAR TELAH DIBUKA DALAM PROJEK PEMBANGUNAN WILAYAH ITU.

PARA PESERTANYA KINI BERJUMLAH SERAMAI 2,819 ORANG.

TURUT SAMA IALAH MENTERI BESAR DATUK MOHD. YAACOB, MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DAN MENTERI PERUSAHAAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN. -- BERNAMA 1515/SZ